

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

PEJABAT PENAPISAN FILEM

ARAS 2, SETIA PERKASA 2, KOMPLEKS SETIA PERKASA

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62546, PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 3000

Faks : 03-8889 1685

Web : www.moha.gov.my

Ruj. Kami : KDN.600-17/6/10 (13)

Tarikh : 14 Mei 2026

SYARIKAT PENGEDAR FILEM**SYARIKAT PENERBIT FILEM****OPERATOR PAWAGAM**

Tuan/Puan,

PEMATUHAN BERKAITAN PROSEDUR DAN ALIRAN PERMOHONAN PERAKUAN A (FILEM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan/puan sedia maklum, pemakluman berkaitan tatacara dan prosedur permohonan penapisan filem dengan nombor rujukan KDN.600-17/6/10 (8) bertarikh 24 Februari 2026 telah pun diedarkan melalui sistem Pengurusan Penapisan Filem (iLPF).

3. Sebagai susulan bagi perkara tersebut, Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri ingin mengingatkan bahawa bagi setiap permohonan Perakuan A Filem yang dikemukakan hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh LPF seperti berikut:

KATEGORI		PROSEDUR PEMATUHAN
i.	Pendaftaran Syarikat	Bagi permohonan pertama kali, pihak syarikat hendaklah membuat pendaftaran baharu secara dalam talian melalui sistem iLPF sepenuhnya dengan maklumat yang tepat dan terkini.
ii.	Dokumen Permohonan	Dokumen permohonan yang dikemukakan hendaklah lengkap dan masih dalam tempoh sah laku (berkuatkuasa) mengikut ketetapan berikut: (a) Filem Tempatan: i) Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) ii) Borang Perakuan Berkanun (b) Filem Luar Negara (<i>import</i>): i) Bayaran Filem Asing (BFA) ii) Borang Perakuan Berkanun
iii.	Pembayaran	Pembayaran fi penapisan boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah utama, iaitu: (a) iPayment : Bayaran secara dalam talian (b) Kaunter : Bayaran secara fizikal di kaunter Pejabat LPF

iv.	Bahan Media	(a) Salinan filem yang dikemukakan mestilah dalam bentuk format <i>Digital Cinema Package</i> (DCP) dan yang telah siap sepenuhnya 100% (termasuk kesan khas, bunyi dan ketiadaan paparan <i>green screen</i>). (b) Penggunaan <i>Watermark</i> dalam kandungan filem tidak dibenarkan <u>KECUALI</u> bagi pratonton LPF sahaja.
-----	-------------	--

4. Oleh yang demikian, tuan/puan adalah **diingatkan** agar sentiasa **mematuhi prosedur rasmi yang telah ditetapkan oleh LPF bagi tujuan mendapatkan kelulusan LPF (Perakuan A)**. Sekiranya didapati permohonan yang dikemukakan tidak memenuhi kriteria atau prosedur tersebut, **pihak LPF berhak untuk menolak dan permohonan tersebut tidak akan diproses** serta bayaran pertama yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Nama : Puan Zurina binti Zulkifli
 No. Telefon : 03 – 8886 3219
 E-mel : zurina@moha.gov.my

Nama : Puan Mimi Noorzeela binti Zulma
 No. Telefon : 03 – 8886 3228
 E-mel : noorzeela@moha.gov.my


Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini serta mematuhi kesemua peruntukan di dalam Akta 620 dan Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) 2024 serta Peraturan yang berkaitan amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(BURHAN BIN MAT SUM)

Setiausaha Bahagian
 Pejabat Penapisan Filem
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Dalam Negeri

s.k.:

Pengerusi (LPF)